LATIHAN SEJARAH TAHUN 5
UNIT 9 : BENDERA KEBANGSAAN

NAMA : _____

Susun kronologi sejarah bendera kebangsaan di bawah mengikut garis masa yang betul berdasarkan jawapan yang disediakan.

Sebanyak 373 penyertaan diterima. Keputusan akhir diumumkan dalam surat akhbar The Malay Mail. 3 rekaan terakhir dipilih pada peringkat akhir

Mengandungi 11 Jalur berwarna biru dan putih. Bulan sabit dan bintang pecah 5.

Beberapa pindaan dibuat terhadap rekaan bendera Encik Mohammed. Jalur warna biru ditukar kepada merah. 11 jalur merah dan putih

Pada 16 September 1963, Bendera kebangsaan mengandungi 14 Jalur dan bintang pecah 14.

Tahun 1949 Majlis perundangan Persekutuan menganjurkan pertandingan mereka cipta bendera Persekutuan Tanah Melayu

Bendera persekutuan Tanah Melayu diluluskan pada April 1950 oleh Majlis Perundangan Persekutuan. Mengandungi 11 Jalur dan bintang pecah 11.

Bendera rekaan Encik Mohamed bin Hamzah iaitu seorang arkitek Jabatan kerja Raya Johor dipilih sebagai rekaan terbaik

Pada 26 Mei 1950, bendera Persekutuan dikibarkan di perkarangan Istana Sultan Selangor

Pada 31 Ogos 1957, Bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan secara rasmi di di Padang Kelab Selangor

LIVEWORKSHEETS